

UCAPAN

YANG BERHORMAT

PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (B) DATO

PADUKA SERI

HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD. YUSSOF,

MENTERI PERTAHANAN KEDUA

SEMPENA

HARI RAYA AIDILFITRI BAGI TAHUN 1441H/2020M

KEMENTERIAN PERTAHANAN

DAN

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَسَلَامٌ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Setinggi-tinggi puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan rahmatNya jua, tidak lama lagi kita akan dipertemukan dengan bulan Syawal bulan kegembiraan dan kemenangan, setelah selesai menyempurnakan ibadah Fardhu puasa di Bulan Ramadhan yang penuh Mubarak yang kita sambut dan raikan dengan Hari Raya Fitrah.

Hari Raya Fitrah atau Aidilfitri ini adalah merupakan hadiah istimewa untuk kita umat Islam setelah berjaya menunaikan ibadah Fardhu Puasa dengan penuh kesabaran dan ketaqwaan.

Pada lazimnya, Hari Raya Fitrah sememangnya diraikan dalam suasana meriah dan keriang dengan budaya ziarah menziarahi di kalangan keluarga, sanak saudara serta rakan taulan.

Walau bagaimanapun, di dalam tempoh kita berpuasa dan akan merayakan Hari Raya Fitrah ini wabak *COVID-19* sedang melanda negara kita dan dunia pada masa ini. Penularan wabak ini telah banyak mengubah amalan kehidupan sehari-hari secara global dimana pengenalan norma dan pendekatan baharu seperti penjarakan sosial dan fizikal, meletakkan tangan di dada sebagai tanda bersalaman dan sebagainya menjadi kebiasaan baharu.

Ancaman wabak *COVID-19* kerananya akan menjadikan Hari Raya Fitrah tahun ini disambut jauh berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya. Kali ini, ia akan disambut dalam suasana kemeriahan akan tetapi dalam kesederhanaan dan keterbatasan.

Dikesempatan ini, peramba / saya ingin mengingatkan agar semua warga Kementerian Pertahanan dan warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga, menjalankan tanggungjawab masing-masing dan mematuhi arahan-arahan atau panduan dan nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa sepertimana jua kandungan Kurnia Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Perutusan Khas Baginda berkenaan *COVID-19* pada 13 April 2020.

Di kesempatan ini peramba / saya beserta keluarga sukacita

mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Fitrah 1441 Hijrah / 2020 Masihi, Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga Kementerian Pertahanan dan warga ABDB beserta keluarga, dimanapun mereka berada, khususnya bagi prajurit/pranita yang sedang bertugas dan berkursus diluar negara, melaksanakan Misi Pengaman di *United Nation Interim Force in Lebanon (UNIFIL)*, Pasukan Pemantau Antarabangsa (PPA) dan *International Decommissioning Body (IDB)* di Republik Filipina, *International Liaison Officer* bertempat di *International Fusion Centre*, Republik Singapura, petugas-petugas di bawah Markas Kumpulan Bantu COVID-19, prajurit/pranita yang melaksanakan tugas menjaga sempadan, kedaulatan darat dan maritim negara termasuklah anggota-anggota ABDB yang bertugas semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri ini.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala menerima segala amalan-amalan kita di Bulan Ramadhan dan mengurniakan kita semua nikmat sihat walafiat, dilimpahi rahmat pada setiap masa dan diberikan kesempatan untuk dipertemukan lagi pada Ramadhan dan Syawal yang akan datang. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
